

Kata-kata Jawapan:

Pertanyaan dari:

Abdul Azim bin Afandi,

Sijangkang – Selangor.

Di dalam kajian ilmu tasawuf ada didapati empat perkataan Arab yaitu:

haqīqat, ma‘rifat, sharī‘at dan

ṭarīqat. Apakah ertinya keempat-empat perkataan

itu. Harap tuan jelaskan satu

persatu!

Jawab

Sungguhpun keempat-empat perkataan itu tidak terkenal di zaman Nabi, para Sahabat dan para Tabi‘in sebagaimana ia dikenali oleh para ahli tariqat di zaman ini, namun begitu perlu juga rasanya kita terangkan serba sedikit tentang erti perkataan-perkataan itu dari segi bahasa dan sedikit dari hal perjalanan ahli tariqat itu.

Adapun erti hakikat dari segi bahasa iaitu: “*Muntahā al-shai’ aw aṣlu al-shai’*” Ertinya: Punca atau kesudahan atau pun asal sesuatu. Erti makrifat itu “*al-‘Ilm*” yaitu pengetahuan. Erti syariat ialah “*al-Sunnah*” iaitu peraturan. Dan erti tariqat “*al-Ṣrat*” yaitu perjalanan.

Sebagaimana yang kita sama ketahui bahawa perkataan-perkataan tersebut adalah berasal dari ahli tariqat atau ahli tasawuf. Ilmu tasawuf itu mulai dikenali orang ialah di dalam abad yang pertama dari perkembangan Islam.

Maksud atau tujuan asal ilmu tasawuf itu ialah untuk mengajar supaya orang-orang Islam mengerjakan perintah Allah dengan hati yang bersih dan ikhlas, dan supaya mereka bersopan-santun di dalam bergaulan. Ahli-ahli tasawuf itu pada mulanya mendapat tentangan dan celaan dari para ulama dengan menuduh bahawa pengikut-pengikut tasawuf itu adalah kafir dan sesat, hingga pendokong-pendokong ilmu tasawuf itu tidak dapat memperkembangkan ajaran-ajaran tasawuf itu dengan berleluasa. Ini disebabkan pada zaman itu pemerintahan dipengaruhi oleh para ulama.

Oleh kerana itu terpaksa ahli-ahli tasawuf memperkembangkan ilmu mereka

Dengan adanya peraturan-peraturan yang dibuat dan direkalah oleh pengikut-pengikut tasawuf dari suatu masa ke suatu masa maka timbullah beberapa perkara yang menyalahi maksud orang yang mula-mula memperkembangan ilmu tasawuf itu, dan berlawanan pula dengan perintah-perintah Allah, kerana satu daripada syarat-syarat murid-murid yang belajar ilmu tasawuf itu hendaklah taat setia kepada perintah guru-guru mereka, sekalipun perintah itu menyalahi perintah-perintah Allah dan Rasul-Nya, dari kerana itu mereka sangat-sangat memuliakan guru-guru mereka hingga terkeluar daripada batasan taat yang sebenarnya, dan apabila salah seorang daripada guru mereka meninggalkan dunia maka dengan bersungguh-sungguh mereka pergi menziarahi kuburannya dengan



dengan secara bersembunyi-sembunyi dan dengan mengadakan beberapa tanda yang tertentu untuk mengenali di antara mereka sesama sendiri.

Sebelum seseorang itu diterima menjadi murid, maka ia terlebih dahulu harus menjalankan beberapa ujian yang tertentu dan mesti patuh kepada beberapa peraturan. Di dalam peringkat yang pertama pelajar-pelajar itu dinamakan “*ṭālib*” (penuntut), sesudah itu mereka digelar dengan nama *murīd*, dan kalau luas baharulah dinamakan *sālik*.

mengadakan beberapa istiadat yang tertentu sehingga menghabiskan wang ringgit yang bukan sedikit.

Lama-kelamaan timbullah keyakinan di hati mereka bahawa kuburan yang mengandungi arwah guru-guru mereka itu boleh memberikan sesuatu maksud yang mereka minta dan sanggup pula mendatangkan sebarang mudarat dan kecelakaan di atas diri mereka.

Sesudah itu mereka gunakanlah perkataan-perkataan *sharī‘at, haqīqat, ma‘rifat* dan *ṭarīqat*. Perkataan-perkataan itu mereka tafsirkan pula dengan erti-erti yang tidak kena-mengena dengan hukum-hukum agama. Mereka

1001 Masalah....

mengatakan: Bahawa mengerjakan amal ibadah yang zahir seperti puasa, sembahyang, zakat dan lain-lainnya itu dinamakan “*sharī‘at*” tetapi ada yang lebih penting dan lebih perlu dari itu, yaitu amalan batin untuk mengetahui hakikat sesuatu dari mana asal-usulnya, itulah yang dinamakan “*haqīqat*”. Pengetahuan bagi mengerjakan amalan batin itu dinamakan “*ma‘rifat*” dan cara-cara atau jalan bagi mengerjakan amalan itu dinamakan “*tariqat*”.

Inilah sebab-sebabnya maka perkataan yang empat itu jadi masyhur dikalangan mereka, yang menjadi seolah-olah agama Allah itu diturunkan dengan bermacam-macam corak dan bentuk, ada yang hakikat, ada yang syariat, ada yang makrifat dan ada pula yang tariqat, pada hal yang sebenarnya agama Islam itu adalah bersih daripada segala kepercayaan yang karut-karut, kepercayaan-kepercayaan yang direka oleh manusia.

Inilah jawapan sepintas lalu tentang asal-usul perkataan-perkataan *haqīqat*, *ma‘rifat*, *sharī‘at* dan *tariqat* itu.

* * *

Pertanyaan dari:

Ishak Abdul Latif,

Pekan Nanas, Pontian – Johor.

Apakah sebabnya perkataan “*Allāhu Akbar*”

dipermulaan sembahyang itu dinamakan “*Takbīratu al-ihrām*”, sedangkan selain dari itu hanya dinamakan *takbīr* sahaja?

Jawab

Takbīr itu ialah menyebut “*Allāhu Akbar*”. *Ihrām* itu ertinya ialah masuk mengerjakan satu-satu perkara yang terhormat yang tidak patut disesiakan.

Oleh sebab dengan takbir yang pertama itu kita mulai masuk mengerjakan ibadah sembahyang, yaitu semulia-mulia ibadah yang perintahnya diterima sendiri oleh Nabi Muhammad (S.A.W) dihadapan Tuhan, maka dinamakan takbir itu “*Takbīratu al-ihrām*”.

Adapun takbir yang lain dari itu tidak dinamakan *takbīratu al-ihrām* kerana duduknya tidak dipermulaan sembahyang. Takbir yang lain itu dinamakan “*takbīr al-intiqāl*”. Ertinya takbir perpindahan di antara satu rukun ke suatu rukun.

* * *

Pertanyaan dari:

S.A. Wahab,

Bentong – Pahang.

Bolehkah orang yang telah sembahyang hari raya pada hari minggu, sembahyang lagi sekali bersama-sama orang yang sembahyang hari raya pada hari Isnin. Tidakkah itu perbuatan bidaah. Kalau boleh apa dalilnya?

Jawab

Berhubung dengan masalah ini ada satu hadith yang diriwayatkan oleh Yazīd bin al-Aswad, bahawa ia pernah sembahyang Subuh bersama-sama dengan Nabi (S.A.W). Setelah selesai sembahyang maka

baginda dapati dua orang yang tidak turut bersembahyang bersama-sama dengannya. Maka baginda pun memanggil kedua-dua orang itu lalu bertanya: “Mengapakah kamu tidak turut sembahyang bersama-sama kami tadi?” Jawab mereka: “Kerana kami telah sembahyang di rumah kami”. Maka Nabi pun terus berkata kepada mereka berdua dengan sabdanya: “*Falā taf‘alā idhā ṣalaytumā fī riḥālakumā thumma ataytumā masjidi jamā‘ah, faṣalaiyā ma‘ahum fūnnahā lakumā nāfilah*” Ertinya: “Janganlah kamu berdua berbuat demikian! Apabila kamu berdua sudah sembahyang di rumah kamu, kemudian kamu berdua datang ke masjid sedang orang tengah sembahyang berjemaah, maka sembahyanglah bersama-sama mereka, kerana sembahyang ini bagi kamu berdua menjadi sunat”.

Hadith ini menerangkan bahawa kalau kita sudah sembahyang di rumah kemudian kita ke tempat lain atau ke masjid, kita dapati di sana ada orang sedang bersembahyang jemaah, maka hendaklah kita sembahyang bersama-sama mereka. mahu pun sembahyang itu sama atau berlainan – sunat atau pun wajib.

Dari kejadian yang diriwayatkan oleh hadith tersebut, maka dapatlah kita mengambil kesimpulan dengan jalan *qiyās* bahawa orang yang sudah mengerjakan sembahyang hari raya pada hari Minggu itu tidak boleh disalahkan kalau mereka sembahyang dengan orang-orang yang sembahyang hari raya pada hari Isnin.

Abu al-Mokhtar.